

Sekatan: Harapan kini kepada Menteri

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

DATUK Harun Haji Idris masih mempunyai harapan terus memegang jawatan Naib Presiden UMNO dan aktif semula dalam politik sekiranya rayuannya kepada Menteri Dalam Negeri nanti dikecualikan dari sekatan Akta Pertubuhan (Pindaan 1981) ditolak.

Beliau boleh mengemukakan satu lagi rayuan pengampunan diRaja bagi membolehkannya meneruskan kerjaya politiknya.

Permohonan Datuk Harun kepada Pendaftar Pertubuhan telah ditolak, tetapi beliau belum kemukakan permohonan kepada Menteri Dalam Negeri.

Menurut sumber tertinggi Jabatan Perdana Menteri, Datuk Harun boleh mengemukakan rayuan pengampunan diRaja itu atas dasar beliau perlu membersihkan diri untuk memegang jawatan dalam parti politik.

Secara tidak langsung, jelas sumber itu, permohonan pengampunan diRaja kali ini berlandaskan kaedah bahawa permohonannya memegang jawatan dalam parti itu telah ditolak oleh Pendaftar

K.LUMPUR, Sabtu.

Pertubuhan dan Menteri Dalam Negeri.

"Sekiranya mendapat "pembersihan diRaja" itu, secara automatik beliau tidak perlu menunggu "iddah" lima tahun lagi sebelum kembali aktif dalam politik," katanya.

Datuk Harun yang dibebaskan lebih awal dari tamat tempoh hukuman penjaranya kerana kesalahan rasuah dan pecah amanah malam tadi dijangka mengemukakan rayuan pada Menteri Halehwal Dalam Negeri yang menurut pindaan Akta Pertubuhan mempunyai kuasa penuh mengecualikannya dari peruntukan yang menghalangnya memegang sebarang jawatan persatuan.